

06/03/1997

Taman perumahan perlu seni lanskap

KETIKA melalui Jalan Mahameru di Kuala Lumpur, kita dapat menikmati keindahan seni lanskap di kiri kanan jalan itu. Tumbuhan hijau, pokok renek, bunga-bunga berwarna-warni yang ditanam mengikut reka bentuk menarik menenangkan fikiran kita, tidak menyakitkan mata seperti melalui kebanyakan jalan di ibu kota yang dipenuhi 'batu-batan dan konkrit berbentuk bangunan'. Walaupun bangunan-bangunan itu seni binanya cukup indah, keindahannya tidak seperti tumbuhan ciptaan Tuhan.

Sudah semestinya kita mahu setiap jalan di ibu kota ini kelihatan hijau dan tenang tetapi ini memang sukar dilakukan bagi kebanyakan jalan sedia ada. Sudah terlalu banyak bangunan dan binaan lain dibina di situ dan tiada ruang lagi untuk binaan yang lebih indah. Tetapi bagi kawasan baru, usaha mengindahkan persekitaran tidak sepatutnya diabaikan. Setiap pelan pembangunan yang dirancang mestilah memperuntukkan kawasan hijau supaya kelihatan lebih seimbang. Tidak hairanlah, Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini mahu aspek lanskap diwajibkan dalam setiap projek pembangunan dan meminta kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan menangani isu itu dengan serius. Beliau menegaskan piawaian dan syarat yang khusus bagi penyediaan kawasan lapang dan penanaman pokok perlu diadakan serta dipatuhi.

Kita berpendapat pokok dan kawasan semula jadi tidak sepatutnya dimusnahkan sepenuhnya dalam setiap rancangan pembangunan. Kalau pokok perlu ditebang, ia perlulah diganti melalui penanaman pokok baru.

Bercakap mengenai keperluan menyediakan kawasan hijau di bandar agar ia tidak menjadi rimba batu, kita ingin menarik perhatian kepada kawasan perumahan di sekitar ibu kota. Kalau kita bersiar-siar di sesebuah kawasan perumahan, agak sukar bagi kita untuk menemui sebuah padang yang boleh digunakan untuk bermain bola sepak. Yang ada hanyalah sebuah kawasan kecil yang dipasang buaian, papan gelungsur atau papan jongkang-jongkit. Di situlah tempat kanak-kanak kecil bermain dan di situlah juga tempat remaja bermain takraw atau bola sepak. Kalau tersalah sepak bola, sudah pasti akan terkena kanak-kanak yang sedang seronok bermain buai. Memang tidak menyenangkan.

Kita teringat zaman kita sedang membesar di sebuah kawasan perkampungan Melayu di ibu kota dulu. Ketika itu, terdapat sebuah padang yang luas. Kawasan itu dapat menempatkan sebuah padang bola, sebuah dewan orang ramai dan sebuah tempat permainan kanak-kanak. Padang begitu luas hinggalah jika ada permainan bola antara pasukan kampung itu dengan kampung lain, remaja masih boleh bermain sepak-sepak bola dengan meletakkan selipar sebagai gol di sebahagian padang itu. Kita masih ingat bermain bola bersama rakan-rakan sebaya dulu. Kami tidaklah handal, malah boleh dikatakan permainan tidak mengikut peraturan sebenar. Kami bermain pada waktu petang secara suka-suka, dan setelah penat, berkumpul di tengah padang, bercerita mengenai sekolah dan perkara lain sebelum pulang menjelang Maghrib. Namun, pembangunan tidak dapat dielakkan dan akhirnya pada hari ini, padang itu sudah menjadi terlalu kecil untuk dimanfaatkan untuk tujuan rekreasi. Mungkin perkara yang sama berlaku di tempat lain. Yang jelas pelan pembangunan tidak menyediakan peruntukan kawasan hijau yang boleh dikekalkan selama-lamanya.

Kini kita tinggal di sebuah bandar baru yang boleh dikatakan agak terancang. Bandar itu dibahagikan kepada beberapa seksyen tertentu yang menempatkan pusat bandar, kawasan kediaman dan kilang. Sepuluh tahun lalu,

ketika melalui kawasan-kawasan kediaman di bandar itu, kita dapat melihat ruang lapang di tengah-tengah barisan rumah, tetapi kini ruang itu sudah diambil untuk membina lagi rumah teres. Akhirnya kawasan itu kelihatan terlalu padat dan agak melemaskan. Kita tidak dapat menafikan ada satu dua padang bola disediakan di bandar itu tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan remaja yang ingin bersukan. Akibatnya, sesiapa yang ingin bermain bola terpaksa meminta kebenaran pihak sekolah yang mempunyai padang bola untuk bermain di situ. Bukan saja bandar ini tidak mempunyai banyak padang bola, tetapi kawasan perumahan lain di ibu kota juga tidak mempunyai padang bola. Kenapa begitu? Tidakkah boleh dalam pelan pembangunan sesebuah kawasan perumahan itu diperuntukkan sebuah kawasan yang luas seperti padang bola. Memang benar, ada pemaju menyediakan taman permainan kanak-kanak tetapi ini tidak mencukupi untuk remaja, malah golongan dewasa untuk mengeluarkan peluh.

Kita membangkitkan masalah ketiadaan padang bola ini berikutan munculnya masalah sosial membabitkan remaja. Kita rasa antara punca masalah itu ialah ketiadaan tempat untuk bersukan. Tidak cukup jika pemaju hanya menyediakan sebuah gelanggang takraw atau bola keranjang di celah bangunan flet tinggi. Sudah tentu mustahil bagi semua penghuni muda flet itu menggunakan gelanggang itu serentak. Akibatnya, remaja yang tidak mempunyai kemudahan sukan akan bertumpu di pusat video atau kompleks beli-belah untuk bertemu kawan dan beriadah. Salah siapa kalau remaja memilih kegiatan negatif kerana sukar mencari tempat luas untuk menendang bola?

(END)